

MEDIA STATEMENT

IDEAS: Statement of MACC ACAB's Chairman Falls Short, Demonstrates the Need for Proper Due Process

Kuala Lumpur, 5 January 2022 - The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is deeply concerned with the statement issued by the MACC Anti-Corruption Advisory Board (ACAB) Chairman Tan Sri Abu Zahar Ujang today. In our view, the statement may not fully address public concerns pertaining to the integrity of the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC). The statement issued by Tan Sri Abu Zahar Ujang was in reference to previous allegations made by Dr. Edmund Terence Gomez regarding the integrity of ACAB, specifically disturbing allegations regarding the “nexus between business and law enforcement” and a “conflict of interest” situation between MACC Chief Commissioner Tan Sri Dato’ Sri Azam Bin Baki and his alleged extensive ownership of corporate stock.

While we welcome the fact that the ACAB finally responded to public calls for action by holding a special meeting on 24 November 2021, we are concerned with the fact that the decision made to absolve the MACC Chief Commissioner was based on a single meeting, without a thorough investigation. In our view, if such a conclusion is merely based on the explanation of Tan Sri Dato’ Sri Azam Baki, then ACAB has not carried out their duties properly and this is not an exemplary move by an organisation that is the primary body tasked to oversee the MACC.

We also regret the delay in announcing the results of the meeting to the public immediately after it took place. Had the ACAB held the press conference immediately after the special meeting, instead of waiting for more than a month, the public outcry on this matter could have been avoided.

IDEAS calls for the ACAB to transparently elaborate upon the process through which this conclusion was reached. As well, it is important for the body to disclose which government policy or code of conduct they have relied on in clearing the MACC Chairman of any wrongdoing. More importantly, the ACAB should explain to the public whether Tan Sri Dato’ Sri Azam has satisfied the criteria on asset declaration based on the government circular titled ‘Surat Pekeliling Perkhidmatan 2 Tahun 2002 (Pemilikan dan Perisytiharan Harta oleh Pegawai Awam)’, which requires civil servants to declare their assets.

As argued by IDEAS CEO Tricia Yeoh, “The absence of a comprehensive explanation as to how the decision was made, done transparently, will erode the public’s trust in MACC as a critical institution for combating corruption in the country. We view such an explanation as critical to maintaining MACC’s credibility as an independent institution that can effectively combat corruption in Malaysia. Parliamentary oversight over MACC is even more imperative than ever. In addition, it is time the government introduces clear conflict of interest laws and regulations for all public servants with regards to assets they are allowed to own. There are also legitimate questions being raised as to the legality of the share purchase, which must be answered.”

As IDEAS notes, the ACAB and four other external bodies are expected to operate as mechanisms of check and balance for the MACC. These include the Special Committee on Corruption, Anti-Corruption Advisory Board, Complaints Committee, Consultation & Corruption Prevention Panel, and the Operations Review Panel.

IDEAS argues that this is an opportunity for these bodies to show that they are doing their best to provide mechanisms of check and balance for the MACC.

Concluding, Yeoh stated, “As a critical institution that upholds integrity in the nation, it is essential that the MACC and its oversight bodies embody the highest standards. As such, the oversight bodies tasked to provide accountability over the commission must consider themselves the bastions of transparency. Even the slightest delay in acting on a complaint can sway public opinion. IDEAS looks forward to more transparency in regards to this matter, and calls for more information to be communicated transparently to the public.”

--- END ---

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia’s first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

For enquiries, please contact:

Zokhri Idris, Ph.D
External Relations Director
zokhri@ideas.org.my

KENYATAAN MEDIA

IDEAS: Kenyataan Pengerusi LPPR SPRM mengecewakan, membuktikan keperluan kepada proses pengadilan yang lebih telus.

Kuala Lumpur, 5 Januari 2022 - Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merasa sangat khuatir akan kenyataan yang dikeluarkan oleh Pengerusi Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR), Tan Sri Abu Zahar Ujang pada hari ini. Pada pandangan kami, kenyataan tersebut tidak sepenuhnya menangani kebimbangan masyarakat awam mengenai integriti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Kenyataan yang diberikan oleh Tan Sri Abu Zahar Ujang ini merujuk kepada dakwaan terdahulu oleh Dr. Edmund Terence Gomez perihal integriti LPPR, khususnya dakwaan yang merisaukan tentang “hubungan antara perniagaan dan penguatkuasaan undang-undang” dan situasi “konflik kepentingan” antara Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Dato’ Sri Azam Bin Baki dan dakwaan pemilikan saham korporatnya.

Walaupun IDEAS mengalu-alukan LPPR akhirnya memberikan respons kepada seruan awam untuk mengambil tindakan dengan mengadakan satu mesyuarat khas pada 24 November 2021, kami bimbang apabila keputusan untuk membebaskan Ketua Pesuruhjaya SPRM adalah berdasarkan kepada satu mesyuarat sahaja, tanpa penyiasatan menyeluruh. Pada pandangan kami, jika kesimpulan itu hanyalah berdasarkan penjelasan oleh Tan Sri Dato’ Sri Azam Baki, maka LPPR tidak menjalankan tugas dengan betul dan hal ini bukan satu tindakan contoh yang sepatutnya dilakukan oleh sebuah organisasi yang ditugaskan sebagai badan utama untuk mengawasi SPRM.

Kami juga menyesali kelewatan LPPR dalam mengumumkan keputusan mesyuarat tersebut kepada masyarakat awam sejurus selepas mesyuarat berlangsung. Jika LPPR mengadakan sidang media sejurus selepas mesyuarat khas tersebut berbanding menunggu lebih daripada sebulan, keluhan kesah rakyat berkenaan hal ini akan dapat dielakkan.

Kami menyeru LPPR untuk memberikan penjelasan yang telus mengenai proses ke arah kesimpulan yang dinyatakan. Malah, amat penting untuk badan tersebut mendedahkan dasar atau tatakelakuan yang digunapakai dalam membersihkan nama Ketua Pesuruhjaya SPRM daripada mana-mana salah laku. Lebih penting lagi, LPPR perlu menjelaskan kepada masyarakat awam sama ada Tan Sri Dato’ Sri Azam telah memenuhi kriteria pengisytiharan harta berdasarkan kepada pekeliling kerajaan bertajuk ‘Surat Pekeliling Perkhidmatan 2 Tahun 2002 (Pemilikan dan Perisytiharan Harta oleh Pegawai Awam)’ yang memerlukan penjawat awam mengisytiharkan harta mereka.

Seperti yang diujahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS, Tricia Yeoh, “Kegagalan memberikan satu penjelasan menyeluruh tentang bagaimana keputusan tersebut dicapai dengan penuh ketelusan akan menghakis kepercayaan awam terhadap SPRM sebagai sebuah institusi penting dalam membasmi rasuah dalam negara ini. Kami berpandangan penjelasan sebegitu amat kritikal dalam mengekalkan kredibiliti SPRM sebagai sebuah institusi bebas yang boleh membasmi rasuah dengan berkesan di Malaysia. Dalam hal ini, amat penting untuk Parlimen menilai dan membahas prestasi SPRM dari masa ke semasa. Malah, sudah tiba masanya pihak kerajaan memperkenalkan undang-undang dan peraturan konflik kepentingan yang jelas kepada semua penjawat awam mengenai pemilikan aset yang dibenarkan. Terdapat juga persoalan yang dibangkitkan tentang keabsahan pembelian saham yang harus dijawab.”

IDEAS mengambil maklum LPPR dan empat lagi badan luaran diharapkan untuk beroperasi sebagai mekanisme semak dan imbang kepada SPRM. Badan-badan tersebut ialah Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah, Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Jawatankuasa Aduan, Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah, dan juga Panel Penilaian Operasi.

IDEAS merasakan bahawa ini merupakan peluang kepada badan-badan tersebut untuk membuktikan mereka sedang melakukan sehabis terbaik dalam memberikan mekanisme semak dan imbang kepada SPRM.

Sebagai kesimpulan, Yeoh menyatakan, “Sebagai sebuah institusi penting yang mendukung integriti dalam negara ini, amat penting agar SPRM menunjukkan piawai tertinggi. Justeru, badan kawal selia yang mempunyai tugas memberikan kebertanggungjawaban terhadap SPRM harus menganggap diri mereka sebagai benteng kepada ketelusan. Sedikit kelewatan dalam mengambil tindakan terhadap apa-apa aduan boleh mengubah pendapat umum. IDEAS mengharapkan penyiasatan segera terhadap dakwaan konflik kepentingan ini akan dilakukan dengan penuh ketelusan serta hasil dapatannya kelak perlu didedahkan dengan telus kepada masyarakat awam.”

--- TAMAT ---

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang kompetitif, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Zokhri Idris, Ph.D

Pengarah Perhubungan Luar

zokhri@ideas.org.my